

31 DEC 2000

ABIM-Bincang

ABIM SOKONG LANGKAH BINCANG SOAL PERPADUAN MELAYU

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) menyambut baik kesediaan Umno, PAS dan Keadilan untuk duduk semeja berunding dan bermuzakarah bagi tujuan memperkasa kekuatan dengan membina kesatuan ummah.

ABIM dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini berkata, inisiatif untuk mencari formula politik yang membawa kata sepakat semua pihak yang terbabit, harus disegerakan.

Atas dasar itu, ABIM menganggap kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Umno, PAS dan Keadilan berbincang mengenai perpaduan Ummah sebagai langkah positif dan berjiwa besar.

Pada 24 Dis lalu, Perdana Menteri semasa mengulas cadangan seorang ahli akademik dipetik sebagai berkata Umno bersedia duduk semeja dengan PAS dan Keadilan bagi berbincang dan mencari titik pertemuan ke arah memantapkan lagi perpaduan orang Melayu.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata jika keadaan mengizinkan, Umno sedia menggerakkan usaha ke arah itu dan memanggil pemimpin parti terlibat demi perpaduan orang Melayu di negara ini.

Usaha itu menurut Dr Mahathir lagi, sepatutnya turut melibatkan semuaorang Melayu dan bukan sahaja parti-parti politik.

Semalam, Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dipetik berkata, Umno akan memulakan dengan secepat mungkin usaha mengajak parti-parti pembangkang Melayu untuk duduk semeja membincangkan soal penyatuan semula orang Melayu.

Katanya, soal itu tidak menjadi masalah kepada Umno memandangkan soal perpaduan Melayu adalah amat penting.

ABIM juga menyambut baik tindakan presiden PAS Ustaz Fadzil Noor dan presiden Parti Keadilan Datin Seri Dr Wan Azizah yang menyambut baik seruan Perdana Menteri dengan mengeneipkan sentimen kepartian.

Mereka berpendapat bahawa "politicking" orang Melayu sudah sampai ke tahap yang kritikal sehinggakan terlalu banyak masa ditumpukan kepada usaha menangani isu politik berbanding usaha pembangunan dan mempersiapkan umat menghadapi cabaran globalisasi yang semakin mencengkam.

Menurut kenyataan ABIM itu lagi, kesatuan Melayu daripada segi sejarah adalah teras kepada perpaduan dan intergrasi nasional yang melibatkan lain-lain kaum. Sekiranya kesatuan Melayu sudah mula goyah dan berpecah, maka kestabilan politik negara dan perpaduan kaum juga turut terjejas.

-- BERNAMA

FA GM PR